

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/1/2024
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN GELANGGANG SUKAN, SUNGAI ACHEH, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
(iii)	KELAYAKAN	Gred G1 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21
(iv)	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA	21 Februari 2024 (Rabu) Jam 10.00 pagi
(v)	TARIKH & MASA MUAT NAIK DOKUMEN SEBUT HARGA	22 Februari 2024 (Khamis, 10.00 pagi) hingga 27 Februari 2024 (Selasa, 5.00 petang)
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	29 Februari 2024 (Khamis) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa sebelum menyertai sebarang sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Dewan Gerakan Masyarakat PERDA Sungai Acheh, Nibong Tebal** pada **21 Februari 2024 (Rabu, jam 10.00 pagi)** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. Hanya Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **22 Februari 2024 (Khamis, jam 10.00 pagi)** hingga **27 Februari 2024 (Selasa, jam 5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **29 Februari 2024 (Khamis) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.